

Faktor Penolakan Pelajar Pascasiswazah Membuat Penyelidikan Dalam Bidang Sastera Arab di IPT

Mohd Syauqi Bin Arshad^{1, a)}, Ragab Ibrahim Ahmed Awad², Mohamed Rady Mohamed
Elpaz Elsheakh³ & Najwa binti Mazlan⁴

^{1, 2, 3, 4} Kuliah Bahasa Arab, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim
Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300, Kuala Ketil, Kedah, Malaysia

^{a)} Pengarang Koresponden: syauqi@unishams.edu.my

Abstrak: Sikap menitikberatkan kajian-kajian kesusasteraan merupakan satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan seorang pelajar khususnya pelajar universiti dalam usaha mengembangkan bakat kesenian dan meluaskan pengetahuan. Ia juga melatih pelajar memahami makna-makna tersirat dalam teks sastera dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, penyelidik-penyelidik mendapati pelajar pasca siswazah enggan menyambung pengajian mereka dalam bidang sastera Arab di peringkat sarjana dan doktor falsafah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang membawa kepada fenomena tersebut. Kajian ini berbentuk kajian lapangan. Sampel kajian terdiri daripada 68 orang pelajar pasca siswazah dalam bidang Bahasa Arab daripada empat buah universiti tempatan. Instrumen kajian pula terdiri daripada borang soal selidik yang telah diedarkan secara atas talian kepada sampel kajian melalui kaedah *google form*. Kaedah analisis deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data kajian yang telah dikumpulkan. Perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) juga telah digunakan untuk mengira purata dan sisihan piawai bagi setiap item soalan dalam borang soal selidik. Hasil kajian mendapati faktor pelajar pasca siswazah bidang Bahasa Arab lebih berminat untuk mendalami bidang linguistik berbanding sastera kerana mereka beranggapan bidang sastera lebih susah dan memerlukan lebih banyak pembacaan dan hafalan. Selain itu, sebahagian tenaga pengajar juga dilihat tidak memiliki kemampuan mengajar yang mencukupi dalam menyampaikan subjek-subjek berkaitan. Bahan-bahan ilmiah yang digunakan juga tidak bersesuaian dengan tahap pengetahuan, minat dan umur pelajar. Kesimpulannya, semua unsur-unsur pembelajaran iaitu pelajar, tenaga pengajar dan bahan ilmiah merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada penolakan pelajar pasca siswazah membuat penyelidikan dalam bidang sastera Arab di peringkat pasca siswazah di IPT.

Kata kunci: pelajar pasca siswazah, keengganan, kesusasteraan Arab, penyelidikan, linguistik.

FACTORS OF REJECTION OF POSTGRADUATE STUDENTS TO DO RESEARCH IN THE FIELD OF ARABIC LITERATURE IN IPT.

Abstract: The attitude of emphasizing the study of literature is a very important element in a student's life, especially at university, to develop artistic talent and expand knowledge. It also trains students to better understand the meanings implied in literary texts. However, the researchers found students were reluctant to continue their studies after studying Arabic literature at the undergraduate and doctoral level. Therefore, this study was conducted to determine the factors that lead to this phenomenon. This study is a field study. The research sample consisted of 68 postgraduate students in Arabic from four local universities. The research instrument consists of a questionnaire that was distributed online to the research sample using the Google Form method. Descriptive analysis methods were used to analyse the collected study data. Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software was also used to calculate the mean and standard deviation for each question item in the questionnaire. The results of the study revealed that postgraduate students in the field of Arabic are more interested in pursuing linguistics than literature because they think that the field of literature is more difficult and requires more reading and memorization. Moreover, it is found that some lecturers do not have sufficient teaching skills to teach the relevant subjects. The scientific materials used are also not appropriate to the level of knowledge, interest, and age of the students. In conclusion, all the elements of learning, namely students, teachers, and scholarly materials, are the factors that contribute to the postgraduate students' refusal to research in the field of Arabic literature at the postgraduate level in IPT.

Keywords: postgraduate students, reluctant, Arabic literature, research, linguistic/.

Pengenalan

Kajian kesusasteraan merupakan salah satu kriteria yang sangat penting dalam mengukur kemajuan atau kemunduran sesebuah masyarakat. Ini kerana, kajian ini dapat melihat sifat-sifat manusiawi dalam sesebuah masyarakat melalui paparan karya-karya

sastera yang dihasilkan. Ia juga mempamerkan sejauh mana kekuatan penulis menghasilkan sastera yang berkualiti yang diukur daripada keupayaan menzahirkan emosi, sensitiviti dan deria dalaman manusia dalam penulisan.

Menurut Abdul Latif (2007), budaya membaca karya sastera Arab khususnya dapat meluaskan pengetahuan, mengembangkan maklumat dan mencetuskan idea kreatif dan inovatif. Bahkan budaya membaca juga adalah asas kemajuan bangsa dan negara. Oleh itu, bangsa yang sentiasa celik dan berjaya ialah bangsa yang sentiasa membudayakan amalan membaca.

Sehubungan itu, golongan pelajar harus menyedari bahawa kesukaran memahami puisi atau prosa Arab bukanlah satu masalah yang besar, kerana apa yang jauh lebih utama adalah peranan golongan ini untuk terus belajar agar identiti Bahasa Arab kekal sepanjang zaman. Selain itu, para pelajar, penyelidik, dan individu yang terlibat dalam bidang Bahasa Arab disarankan untuk membuat kajian dalam bidang sastera agar dapat mengembangkan idea dan menyerlahkan bakat kesenian dan kemahiran yang sedia miliki.

Penyataan Masalah

Sikap suka menitikberatkan kajian-kajian kesusasteraan merupakan satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan seorang pelajar dalam usaha mengembangkan bakat kesenian dan meluaskan pengetahuan. Selain itu, ia juga dapat membangkitkan emosi dan perasaan apabila membaca teks-teks sastera. Pelajar berupaya menghayati keindahan dan memahami makna-makna yang tersirat dalam teks-teks sastera.

Walaupun bagaimanapun, penyelidik mendapati tidak ramai pelajar pasca siswazah yang menyambung pengajian mereka di peringkat sarjana dan doktor falsafah dalam bidang sastera Arab. Justeru, pernyataan masalah muncul bertitik tolak daripada isu ini.

Objektif

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

Menyatakan faktor utama yang membawa kepada keengganan pelajar pasca siswazah menyambung pelajaran dalam bidang sastera di peringkat sarjana dan doktor falsafah mengikut sudut pandangan pelajar.

- i. Menyatakan kesukaran kajian yang muncul dalam menjalankan kajian kesusasteraan mengikut sudut pandangan golongan pensyarah.
- ii. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik terhadap tahap kesukaran kajian yang muncul dalam menjalankan kajian kesusasteraan dalam kalangan pelajar mengikut sudut pandangan golongan pensyarah.
- iii. Melampirkan cadangan yang menyumbang kepada peningkatan kesedaran akademik dalam kalangan pelajar pasca siswazah.

Metodologi

Kajian ini mengguna pakai kaedah deskriptif analisis dan induktif untuk mengenal pasti faktor-faktor keengganan pelajar pasca siswazah menjalankan penyelidikan dalam bidang kesusasteraan di peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Kajian-Kajian Kesusasteraan (Balaghah, Sastera Dan Kritikan Sastera)

Bahasa Arab telah merentasi peredaran zaman yang pelbagai dan telah menyaksikan fasa-fasa kemajuan dunia yang semakin berkembang terutama dari sudut ilmu pengetahuan. Namun demikian, Bahasa Arab tidak ditelan zaman dan masih digunakan hingga sekarang sebagai salah satu alat komunikasi dan perhubungan. Struktur perkataannya juga semakin berkembang selaras dengan perkembangan zaman, bahkan setanding dengan bahasa-bahasa asing yang digunakan di negara-negara moden. Kini, penggunaan media massa yang berkembang pesat menjadikan pengajaran Bahasa Arab dalam pelbagai bidang turut meluas. Selain itu, akademi kajian Bahasa Arab juga telah ditubuhkan di negara-negara Arab, menjadikan Bahasa Arab kekal menjadi antara salah satu bahasa yang paling kuat di dunia, walaupun bukanlah yang terkuat secara mutlak (Zaqut, Shahadah, Muhammad: 2004).

Menurut Dr. Zakaria Ibrahim, beliau menyatakan bahawa, “Bahasa Arab telah menjadi salah satu bahasa rasmi yang digunakan di forum, persidangan, dan mesyuarat di peringkat antarabangsa. Lantaran itu, kita sewajarnya mengiktiraf Bahasa Arab dan berusaha memartabatkan kedudukan dan ketuanannya dalam masyarakat Arab. Dalam bidang pendidikan pula, kita haruslah mementingkan Bahasa Arab dan bidang-bidangnya dalam pengajaran dan menggalakkan penggunaannya dengan lebih meluas di samping mengetahui kesukaran-kesukaran yang wujud dalam memahami Bahasa Arab agar dapat menyediakan solusi, seterusnya melaksanakan pengajaran dengan lebih mudah dan bermanfaat.”(Ibrahim, Zakaria: 1999)

Namun, sebenarnya terdapat banyak kesukaran yang menghalang penyelidik-penyelidik bukan berbangsa Arab melibatkan diri dalam kajian kesusasteraan Arab. Antara kesukaran utama yang dihadapi ialah penggunaan bahasa pasar yang meluas berbanding bahasa baku dalam karya-karya sastra Arab. Bahkan, perbualan seharian mereka juga banyak dipengaruhi oleh bahasa pasar berbanding bahasa baku. Oleh sebab itu, pelajar bukan berbangsa Arab khususnya enggan melibatkan diri dalam kajian kesusasteraan Arab kerana bahasa pasar mengandungi banyak perkataan yang sukar difahami dan jarang digunakan umum.

Lantaran itu, merujuk kepada masalah ini, Fakhruddin Qabawah (1999) berkata, “inilah stigma yang berlegar dalam masyarakat dengan mencanangkan bahasa Arab itu susah serta membuat sangkaan bahawa ianya rumit. Lantas mereka lebih terpegun dan berminat untuk mempelajari bahasa-bahasa Eropah yang lain kerana percaya bahasa mereka adalah sumber ilmu dan peradaban.”

Pada mulanya, pengetahuan tentang teks-teks sastra dan balaghah hanyalah seperti “satu bentuk bimbingan dan pendidikan untuk memiliki kepetahan dalam menyampaikan ucapan. Kemudian, ilmu ini menjadi satu bentuk gambaran dan kaedah untuk memberi ucapan kepada golongan pemedato, pendakwah, pemimpin parti politik dan sesiapa sahaja yang ingin berucap di khalayak ramai.”(Ali Al-Jambalati). Namun, lama-kelamaan ilmu ini berubah menjadi salah satu ilmu yang berfungsi membezakan teks-teks sastra yang berkualiti dan tidak berkualiti.

Dewasa ini, ilmu balaghah menjadi rujukan utama dalam kajian-kajian kesusasteraan Arab. Namun, berdasarkan Samak, “orang-orang Arab dahulu terutama di zaman sebelum kemunculan Islam sudah terkenal dengan keistimewaan mereka mempunyai lidah yang lancar dan petah berbahasa Arab. Bahkan lisan mereka hampir-hampir bebas daripada kesalahan umum tatabahasa dan retorik Arab. Ini kerana, mereka telah dididik dan dibesarkan dalam persekitaran yang mengamalkan pertuturan bahasa Arab yang fasih dan lancar. Oleh yang demikian, kemahiran yang mereka miliki dalam menutur bahasa Arab yang beretorik dan berestetik merupakan perkara biasa dan tidak janggal. Sehubungan dengan itu, para pelajar digalakkan mempelajari ilmu balaghah Arab supaya memperoleh kelebihan-kelebihan seperti menjadi mahir menggunakan ungkapan yang menarik serta mahir mengembangkan penghayatan emosi dan imaginasi ketika menulis. Selain itu, ilmu balaghah juga membantu pelajar dalam menghasilkan teks-teks sastra yang bermutu tinggi kerana menjadikan mereka objektif dalam merangka idea dan tidak cenderung kepada pandangan peribadi dalam sesuatu amalan kritikan.”(Samak, Muhammad Salih: 1979)

Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, tinjauan telah dilakukan terhadap 68 orang pelajar daripada empat buah universiti di Malaysia iaitu Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah (UniSHAMS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan Universiti Sultan Zainal Abidin, (UniSZA).

Borang soal selidik ataupun *google form* telah diedarkan kepada sampel kajian berpunca daripada pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan yang membataskan pergerakan kajian. Oleh itu, jumlah pelajar yang mengambil bahagian dalam tinjauan pendapat adalah kecil.

Selain itu, kumpulan penyelidik tidak dapat mengadakan pertemuan secara bersemuka bersama pelajar untuk mengetahui punca sebenar fenomena ini. Kemungkinan mereka mempunyai maklumat-maklumat bernilai untuk kajian yang tidak dapat diperolehi daripada soalan soal-selidik. Pengkaji-pengkaji juga tidak berpeluang bertemu secara bersemuka bersama pensyarah-pensyarah yang berada dalam bidang kesusasteraan Arab

di universiti-universiti terpilih untuk merakam pandangan khusus mereka berkenaan fenomena ini.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, faktor-faktor yang membawa kepada keengganan pelajar menjalankan penyelidikan dalam bidang kesusasteraan Arab yang meliputi puisi, prosa, dan kritikan sastera di peringkat ijazah sarjana dan doktor falsafah adalah seperti jadual di bawah:

Bilangan	Item-item Soalan	Kadar Peratus (%)				
		Sangat setuju	Setuju	Kurang	Tidak setuju	Sangat tidak
1	Kaedah mengajar bersesuaian dengan pelajaran kesusasteraan Arab	22.1	47.1	14.7	8.8	7.4
2	Bahan ilmiah yang diajar bersesuaian dengan tahap pengetahuan pelajar	29.4	47.1	11.8	8.8	2.9
3	Teks-teks terpilih yang digunakan bersesuaian untuk diajar dan dianalisis	32.4	48.5	10.3	7.4	1.5
4	Penggunaan kaedah mengajar yang sesuai ketika menyampaikan bahan-bahan ilmiah	22.1	48.5	14.7	10.38	4.4
5	Sukatan mata pelajaran sastera yang diajar bersesuaian dengan pelajar	33.8	38.2	14.7	13.2	0
6	Pandangan negatif terhadap kesusasteraan Arab dengan menyangka bahawa ianya tidak boleh digunakan atau dipraktikkan di alam pekerjaan kelak	8.8	33.8	20.6	25	11.8
7	Pelajar enggan menyambung pengajian dalam bidang kesusasteraan Arab kerana tidak menguasai ilmu sintaksis dan perbendaharaan kata Arab	23.5	33.8	10.3	17.6	14.7
8	Isi kandungan dalam sukatan pelajaran sastera Arab agak sedikit berbanding isi	20.6	48.5	13.2	14.7	2.9

	kandungan yang terdapat dalam pelajaran linguistik Arab					
9	Mentaliti pelajar sejak di bangku sekolah yang menjadikan mereka tidak menyedari kepentingan sastera Arab dalam membantu menguasai Bahasa Arab	33.8	50	4.4	7.4	4.4
10	Pelajar tidak mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang sastera Arab sejak di peringkat ijazah	23.5	57.4	11.8	5.9	1.5
11	Kaedah pengajaran tidak memainkan peranan yang berkesan dan kreatif dalam menyampaikan pengetahuan yang berkaitan dengan sastera Arab	19.1	45.6	22.1	7.4	5.9
12	Pelajar terpengaruh dengan aduan rakan-rakan tentang kesukaran sastera Arab yang menyebabkan mereka tidak mendaftar dalam bidang tersebut	38.2	32.4	14.7	8.8	5.9
13	Pelajar lebih bersemangat untuk menjalankan kajian dalam bidang bahasa kerana melihat rakan-rakan telah berjaya menyempurnakan kajian dalam bidang ini	33.8	41.2	11.8	10.3	2.9
14	Pelajar takut kepada penyelia yang tidak mengikut cita rasa mereka	14.7	36.8	19.1	17.6	11.8
15	Pemilihan kosa kata yang jarang-jarang digunakan menyebabkan pelajar sukar memahami teks sastera dengan tepat dan betul	30.9	42.6	10.3	14.7	1.4
16	Pelajar tidak mengetahui kaedah yang betul untuk menggunakan kamus dalam mencari makna perkataan yang sesuai	29.4	35.3	7.4	17.6	10.3
17	Mendapat markah keputusan peperiksaan yang rendah bagi mata pelajaran sastera Arab	30.9	47.1	7.4	13.2	1.4

	di peringkat ijazah menyebabkan pelajar meminggirkan diri untuk menyambung penyelidikan di peringkat sarjana dalam sastera Arab					
18	Kurangnya minat membaca dalam kalangan pelajar punca kepada penolakan mereka untuk menceburkan diri dalam bidang sastera Arab yang memerlukan banyak pembacaan	45.6	41.2	11.8	0	1.4
19	Pelajar tidak berminat untuk mempelajari sastera Melayu yang menyebabkannya menolak untuk belajar sastera-sastera Arab	22.1	45.6	22.1	4.4	5.9
20	Terpengaruh dengan pandangan orang lain yang beranggapan bahawa bidang kesusasteraan Arab tidak mempunyai peluang yang luas di alam pekerjaan kelak berbanding bidang linguistik Arab	22.1	42.6	20.6	11.8	2.9
21	Rujukan yang sedikit dalam bidang berkaitan sama ada di perpustakaan universiti atau di kawasan berdekatan terutama bagi pelajar yang belajar di universiti swasta	23.5	20.6	25	14.7	16.2
22	Kegagalan dalam pelajaran kesusasteraan Arab menyebabkan pelajar hilang keyakinan diri dan merasa tidak mampu lagi untuk meneruskan pengajian dalam bidang kesusasteraan Arab	22.1	52.9	10.3	5.8	8.8
23	Faktor pengajaran yang tidak menunjukkan secara jelas cara-cara yang betul dan tepat untuk menganalisis teks sastera Arab	22.1	42.6	16.2	11.8	7.4
24	Tiada pendedahan yang jelas tentang kepentingan sastera Arab dalam memantapkan penguasaan kosa kata Arab	33.8	44.1	8.8	7.4	5.9

25	Penggunaan kosa kata dalam sastera Arab yang berhubung kait dengan kebudayaan, persekitaran, dan adat resam masyarakat Arab menyebabkan teks sastera sukar difahami pelajar bukan berbangsa Arab	29.4	50	13.2	7.4	0
26	Kaedah pengajaran yang memfokuskan aspek hafalan dan berorientasikan peperiksaan semata-mata menyebabkan pelajar tidak berminat untuk memahami dan mendalami teks sastera	33.8	45.6	7.4	7.4	5.9
27	Pelajar tidak mempelbagaikan kemahiran yang kreatif dan efektif ketika membaca puisi dan prosa Arab	33.8	50	8.8	5.9	1.4
28	Tiada matlamat yang jelas tentang tujuan penyelidikan dalam bidang sastera Arab	19.1	36.8	19.1	16.2	8.8
29	Kurangnya galakan daripada pensyarah bidang sastera Arab yang memberi gambaran positif tentang keindahan bidang ini ketika menyampaikan pengajaran	10.3	30.9	29.4	16.2	13.2
30	Pelajar berasa bosan dan jemu dan tidak menikmati sastera Arab ketika belajar kerana menganggap pelajaran ini hanya perlu dihafal dan diingat sahaja	17.6	50	13.2	8.8	10.3
31	Kaedah mengajar yang hanya menumpu kepada penerangan tenaga pengajar tanpa membuat perbincangan bersama pelajar-pelajar	23.5	50	10.3	8.8	7.4
32	Kebanyakan bahan-bahan rujukan berkaitan mempunyai aras bahasa yang tinggi sehingga menyukarkan pelajar untuk memahami sastera Arab	23.5	45.6	16.2	8.8	5.9

33	Kegagalan pelajar dalam memahami istilah-istilah sastra	23.5	57.4	5.8	8.8	4.4
----	---	------	------	-----	-----	-----

JADUAL 1: Faktor-faktor keengganan pelajar pasca siswazah membuat kajian dalam bidang kesusasteraan Arab di peringkat ijazah sarjana dan doktor falsafah.

Jadual di atas menunjukkan item-item soalan yang membincangkan tentang faktor-faktor keengganan pelajar pasca siswazah membuat kajian dalam bidang kesusasteraan Arab di peringkat ijazah sarjana dan doktor falsafah. Jadual menunjukkan sebanyak 33 soalan yang telah dijawab secara rawak oleh 68 orang pelajar daripada empat buah universiti berbeza. Dalam senarai soal selidik di atas, pengkaji-pengkaji mendapati item-item soalan di atas boleh dikelaskan dalam 4 kategori yang mempengaruhi pelajar mempelajari bidang sastra Arab. Kategori yang dimaksudkan ialah:

- 1) Faktor daripada kaedah pengajaran yang digunakan ketika mengajar sastra Arab.
- 2) Faktor daripada bahan-bahan ilmiah yang digunakan ketika mengajar sastra Arab.
- 3) Faktor pelajar yang mempelajari sastra Arab.
- 4) Faktor tenaga pengajar yang mengajar sastra Arab.

Perbincangan

Kategori pertama menunjukkan faktor-faktor yang dibawa oleh kaedah pengajaran sastra Arab yang menyumbang kepada keengganan pelajar pasca siswazah menyambung pengajian dalam bidang tersebut. Merujuk kepada item-item soalan dalam jadual 1 di atas, secara keseluruhan kajian mendapati kadar peratusan yang tertinggi ialah pelajar bersetuju kemudian diikuti sangat setuju terhadap item-item soalan yang diajukan. Jika diteliti, walaupun pada awalnya mereka bersetuju bahawa kaedah yang digunakan ketika mengajar dan menyampaikan bahan-bahan ilmiah adalah sesuai, namun, soalan berikutnya menunjukkan mereka juga bersetuju juga bahawa kaedah yang digunakan sedia kala memerlukan penambahbaikan kerana kaedah yang digunakan tidak boleh diterima atau tidak sepenuhnya sesuai dari sudut pandangan pelajar.

Sehubungan itu, kaedah pengajaran mata pelajaran sastra Arab perlu diteliti dan dikaji semula oleh pihak-pihak pendidik dan ahli-ahli yang pakar dalam bidang ini agar kaedah

tersebut lebih sesuai dengan tahap pengetahuan pelajar. Seterusnya, mereka dapat menerima pengajaran mata pelajaran tersebut.

Selain itu, kaedah-kaedah mengajar yang baharu perlu digunakan agar lebih bersesuaian dengan bahan-bahan ilmiah yang akan disampaikan kepada pelajar supaya mereka lebih jelas dan memahaminya dengan baik. Kaedah menganalisis teks sastra yang juga perlulah sesuai dengan tahap pengetahuan, kefahaman, dan sifat-sifat pelajar terutamanya pelajar bukan Arab kerana kadang-kadang terdapat beberapa analisis yang tidak menjelaskan keindahan dan nilai-nilai kecantikan yang terdapat dalam hasil kesenian.

Oleh itu, pengenalan terhadap bidang ilmu ini perlu lebih kerap menerapkan nilai-nilai kesenian dan keindahan agar pelajar berasa seronok untuk belajar. Sebilangan pelajar juga mengakui mereka juga mendapat manfaat melalui pelajaran sastra.

Kategori kedua pula menunjukkan faktor-faktor daripada bahan ilmiah yang merupakan salah satu sebab penolakan pelajar pasca siswazah membuat kajian dalam bidang sastra Arab. Kajian mendapati taburan soalan kedua, ketiga dan kelima dalam jadual 1 menunjukkan angka peratus tertinggi iaitu masing-masing 47.1%, 48.5% dan 38.2%. ini bermaksud majoriti pelajar bersetuju bahawa teks-teks terpilih yang digunakan sesuai diajar dan dianalisis kepada pelajar. Namun kadar peratusan yang diterima juga membuktikan bahawa kebanyakan mereka juga bersetuju terhadap soalan-soalan berikutnya yang menunjukkan kekurangan dalam sukatan pelajaran yang diajarkan. Ini bermakna bahan-bahan yang digunakan masih memerlukan penelitian agar lebih sesuai untuk pelajar serta memenuhi syarat-syarat wajib yang diperlukan untuk tujuan pendidikan.

Selain itu, sukatan pelajaran sastra di sekolah-sekolah menengah yang menggunakan Bahasa Arab juga hanya mempunyai bahagian kecil dari sukatan yang sebenar. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam jadual 1 di atas di mana hampir setengah daripada kadar peratusan iaitu 48.5% dan 20.6% menunjukkan mereka bersetuju dengan perkara tersebut. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab agar menambah isi kandungan dalam sukatan mata pelajaran sastra. Majoriti pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah mendaftar ke pengajian tinggi di universiti-universiti atau kolej-kolej dalam bidang Bahasa Arab atau pengajian Islam. Justeru, penambahan ini

harus dilakukan demi mengelak pelajar terkejut apabila berdepan dengan mata pelajaran sastera yang tidak pernah dipelajarinya atau sempat mempelajari perkara-perkara asas yang berkaitan namun tidak mampu memberi kefahaman yang kukuh terhadap mata pelajaran tersebut.

Di samping itu, pihak-pihak bertanggungjawab yang terlibat dalam menyusun sukatan pelajaran wajib memilih teks sastera yang lebih senang agar pelajar dapat memahaminya dengan baik. Ini kerana, jadual membuktikan sebanyak 42.6% daripada bilangan pelajar bersetuju bahawa teks sastera yang terkandung dalam sukatan pelajaran mempunyai banyak perkataan Arab lama yang sukar difahami dan tidak lagi digunakan. Walaupun perkataan-perkataan tersebut tergolong dalam perkataan Arab yang fasih, namun tidak lagi digunakan hatta dalam kalangan orang Arab. Kesimpulannya, masalah ini harus diteliti dan disemak semula dengan lebih terperinci.

Selain itu, sebanyak 50% daripada mereka bersetuju bahawa teks sastera sukar difahami disebabkan oleh penggunaan kosa kata Arab yang berhubung kait dengan kebudayaan, persekitaran, dan adat resam masyarakat Arab. Hal ini kerana, sastera Arab merupakan cerminan kepada masyarakat dan persekitaran Arab dan merangkumi semua perkara berkaitan sama ada positif atau negatif, kegembiraan atau kesedihan. Justeru, semua perkara ini sangat penting untuk didedahkan di awal pembelajaran. Oleh itu, pelajar perlu menambahkan pengetahuan dengan meluaskan pergaulan bersama orang Arab dan memperbanyakkan bahan bacaan berkaitan Arab supaya memahami adat resam, budaya, dan sifat-sifat masyarakat Arab dan cara mereka mengungkapkan perasaan dalam situasi yang berbeza.

Antara faktor yang menyebabkan pelajar enggan mengkaji bidang sastera Arab ialah kebanyakan bahan-bahan rujukan berkaitan mempunyai aras bahasa yang tinggi sehingga menyukarkan pelajar untuk memahami sastera Arab. Ini dapat dibuktikan dalam jadual 1 di atas di mana sebanyak 45.6% daripada pelajar menyetujui perkara tersebut. Berkenaan ini, pengkaji-pengkaji beranggapan bahawa pemahaman terhadap kitab-kitab turath tidak datang serta-merta, bahkan ianya dibentuk melalui beberapa peringkat sejak di bangku sekolah. Sehubungan dengan itu, tahap pengetahuan pelajar dalam Bahasa Arab haruslah ditingkatkan sebelum memasuki alam pengajian tinggi. Hakikatnya, tenaga pengajar dan pelajar mempunyai peluang yang besar dan tempoh masa yang panjang untuk

meningkatkan tahap pengetahuan dalam semua cabang ilmu Bahasa Arab sebelum memasuki alam pengajian tinggi.

Antara faktor lain yang mencetus keengganan pelajar pasca siswazah membuat kajian dalam bidang sastera Arab ialah kerana rujukan yang sedikit dalam bidang berkaitan sama ada di perpustakaan universiti atau di kawasan berdekatan terutama bagi pelajar yang belajar di universiti swasta. Namun, jadual menunjukkan angka peratusan tertinggi iaitu sebanyak 25% daripada bilangan pelajar kurang setuju dengan kenyataan tersebut. Di sini, pengkaji-pengkaji boleh sahaja terus memberi pandangan tanpa meninjau pendapat pelajar. Ini kerana sumber rujukan pada zaman sekarang amat mudah didapati di jaringan Internet. Terdapat banyak perpustakaan percuma di Internet seperti laman-laman web pakar rujukan dan ilmiah yang lain yang mempunyai puluhan ribu kitab dalam semua bidang Bahasa Arab, contohnya *Maktabah Shamilah*.

Oleh yang demikian, tiada alasan untuk pelajar mengatakan bahawa kekurangan sumber rujukan pada zaman sekarang kecuali mungkin hanya beberapa rujukan versi baharu. Sehubungan dengan itu, pihak perpustakaan harus menyediakan buku-buku rujukan seperti ini untuk pelajar-pelajar agar mereka boleh membaca, mengkaji, dan menyelesaikan projek-projek penyelidikan dan tesis ijazah sarjana dan doktor falsafah (PhD) dengan sempurna.

Kategori ketiga merupakan faktor atau masalah yang wujud dalam kalangan pelajar ketika belajar sastera Arab. Kajian mendapati bahawa majoriti pelajar dengan 33.8% mempunyai pandangan negatif terhadap kesusasteraan Arab dengan menyangka bahawa ianya tidak boleh dipraktikkan di alam pekerjaan kelak. Mereka menyangka bahawa mempelajari mata pelajaran tersebut tidak dapat memberi manfaat dalam kehidupan mereka kelak. Tidak seperti mempelajari mata pelajaran nahu atau balaghah Arab (sebagai contoh) yang boleh dimanfaatkan kelak dalam pelbagai bidang seperti mengajar di sekolah, berceramah di masjid, bekerja di bahagian pentadbiran agama atau pekerjaan-pekerjaan lain yang sesuai dengan bidang berkaitan. Mereka cenderung mendapat banyak peluang pekerjaan apabila menceburi bidang linguistik.

Selain itu, data juga menunjukkan terdapat 28.6% daripada bilangan pelajar yang merupakan peratus tertinggi membuktikan bahawa pelajar enggan mendaftar ke program

ijazah sarjana dan doktor falsafah (PhD) dalam bidang kesusasteraan Arab disebabkan oleh penguasaan Bahasa Arab yang agak lemah. Mereka tidak dapat memahami sastera dan ilmu balaghah Arab dengan baik kerana memerlukan proses pemahaman yang lebih tinggi berbanding pemahaman secara literal. Ini merupakan halangan paling besar yang dihadapi oleh pelajar dalam usaha memahami teks-teks sastera. Pemahaman teks-teks sastera secara literal sahaja tidak mencukupi. Sebaliknya, teks tersebut perlu difahami secara dinamik dan menyeluruh.

Sebanyak 70.8% daripada bilangan pelajar setuju diikuti sangat setuju bahawa mereka tidak menyedari sastera Arab mampu membantu mereka dalam menguasai bahasa Arab sejak di sekolah menengah. Ini bermakna persepsi pelajar tidak sejajar dengan bahan ilmiah yang disampaikan. Tetapi ini tidak bermakna kaedah pengajaran adalah salah dalam menyampaikan pengajaran sastera kepada pelajar sejak bangku sekolah. Oleh yang demikian, pihak bertanggungjawab yang terlibat dalam menyusun sukatan pelajaran harus memilih kandungan bahan dan teks-teks sastera yang sesuai dengan tahap pengetahuan dan umur pelajar.

Kajian juga mendapati bahawa melebihi $\frac{3}{4}$ peratus daripada bilangan pelajar tidak terlalu meminati mata pelajaran sastera Arab kerana lebih meminati mata pelajaran nahu Arab. Perkara sedemikian wujud kerana pelajar membuat pemerhatian terhadap pengalaman rakan-rakan universiti dan ahli-ahli akademik yang lain dan membuat sangkaan bahawa mata pelajaran tersebut lebih susah berbanding mata pelajaran lain seperti nahu, saraf dan balaghah. Pelajar turut terpengaruh dengan momokan pelajar di awal pendaftaran program pasca siswazah dengan perkara tersebut lantas terus menolak untuk menceburi bidang tersebut dalam program ijazah sarjana dan doktor falsafah. Ini merupakan satu masalah besar yang perlu diselesaikan oleh pendidik-pendidik agar mencari kaedah-kaedah baru yang lebih inovatif untuk mengembalikan minat pelajar mempelajari sastera Arab.

Selain itu, kajian juga mendapati majoriti daripada mereka terpengaruh dengan keluhan rakan-rakan tentang kesukaran sastera Arab yang menyebabkan mereka tidak mendaftar dalam bidang tersebut. Ini kerana, pelajar junior selalunya akan bertanya dan meminta pendapat daripada pelajar senior berkaitan pengalaman-pengalaman yang dilalui di universiti. Lantas penyimpulan negatif timbul terhadap mata pelajaran ini berdasarkan

pandangan yang lebih tua daripada mereka. Persepsi ini membuatkan pelajar terhalang untuk mendalami mata pelajaran tersebut dengan lebih dekat. Justeru, tenaga pengajar harus mewujudkan penyelesaian agar gambaran negatif ini dapat dileraikan. Tenaga pengajar juga harus mengingatkan pelajar supaya tidak menanam sebarang persepsi terhadap sesuatu mata pelajaran tanpa mempelajarinya terlebih dahulu.

41.2% daripada responden mengakui bahawa mereka lebih bersemangat untuk menjalankan kajian dalam bidang bahasa kerana melihat rakan-rakan telah berjaya menyempurnakan kajian dalam bidang ini. Kenyataan ini mengukuhkan kenyataan yang telah dibincangkan sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar merasa takut untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Ini kerana mereka suka memilih jalan mudah yang sudah dihidangkan kajian-kajian lepas dengan tajuk yang berkaitan dan hanya menunggu masa untuk membaca tesis-tesis tersebut. Oleh itu, kajian tesis dilihat sangat mudah khususnya apabila pelajar telah menjumpai kajian-kajian lepas yang menyamai tajuk kajian yang akan mereka lakukan. Mereka menganggap perkara tersebut lebih baik berbanding melakukan kajian ijazah sarjana atau doktor falsafah (PhD) yang tidak memiliki sebarang kajian-kajian lepas yang boleh dijadikan rujukan.

Kajian mendapati ramai pelajar mengakui bahawa mereka takut kepada penyelia dalam bidang sastera Arab yang tidak mengikut cita rasa mereka. Namun, ramai juga pelajar kurang dan tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa sebahagian pelajar merasa tidak selesa bersama penyelia tesis dalam bidang ini. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab dalam pentadbiran hal ehwal pasca siswazah wajib memilih penyelia yang mempunyai latar pendidikan yang baik agar mereka lebih memahami pelajar. Melalui cara ini, pelajar tidak lagi berasa takut kepada penyelia sekali gus menghilangkan rasa takut terhadap pelajaran ini. Pihak universiti juga wajib menganjurkan bengkel dan kursus latihan yang boleh melatih penyelia-penyelia ini tentang asas dan panduan penyeliaan tesis kerana peranan mereka sangat besar dalam menjayakan penghasilan sesuatu kajian ilmiah.

Selain itu, data juga menunjukkan peratusan tinggi bahawa pelajar mempunyai masalah ketika menggunakan kamus untuk mencari makna-makna perkataan yang sesuai. Oleh itu, pihak fakulti harus mewujudkan kursus tertentu untuk mendedahkan cara penggunaan kamus Arab yang pelbagai jenis supaya pelajar lebih mudah mencari makna perkataan

yang diingini, seterusnya memudahkan pelajar mempelajari dan memahami teks-teks sastra.

Seterusnya, data juga menunjukkan majoriti dalam kalangan mereka serik untuk menyambung pengajian dalam bidang sastra Arab kerana mendapat markah keputusan peperiksaan yang rendah bagi mata pelajaran tersebut di peringkat ijazah. Ini menunjukkan bahawa hasil keputusan peperiksaan memberi kesan kepada tanggapan pelajar bahawa sastra Arab susah dan boleh menggagalkan mereka dalam peperiksaan. Namun sebenarnya, penilaian keputusan peperiksaan akhir bukan hanya menilai hasil keputusan semata-mata, bahkan terdapat beberapa perkara lain yang boleh dinilai daripada hasil keputusan tersebut seperti menilai tahap pengetahuan pelajar, menilai kemampuan pelajar dalam menjawab soalan, menilai keyakinan pelajar terhadap diri sendiri, dan menilai cara pelajar menjawab soalan dengan betul.

Oleh itu, meletakkan indikasi kesukaran mata pelajaran berdasarkan hasil keputusan peperiksaan semata-mata adalah tidak tepat walaupun keputusan tersebut telah meninggalkan sedikit kesan kepada pelajar. Justeru, pihak berkaitan harus menghasilkan soalan peperiksaan mengikut piawaian yang berkualiti dengan mengambil kira kepelbagaian soalan dan pengelasannya mengikut piawaian yang betul. Tenaga-tenaga pengajar juga sangat digalakkan untuk menghadiri bengkel-bengkel berkaitan supaya mempelajari kaedah merumus soalan peperiksaan dengan betul. Selain itu, kursus, bengkel, dan kelas tambahan juga harus dilaksanakan kepada pelajar-pelajar supaya mereka mendapat pendedahan yang betul tentang kaedah membaca dan menjawab soalan peperiksaan.

Berdasarkan data yang dikumpulkan didapati sebanyak 70% daripada bilangan pelajar menyetujui bahawa kegagalan dalam pelajaran kesusasteraan Arab menyebabkan pelajar hilang keyakinan diri dan merasa tidak mampu lagi untuk meneruskan pengajian dalam bidang kesusasteraan Arab.

Kenyataan ini menyokong kenyataan yang telah dibincangkan sebelum ini. Pelajar cenderung menyambung pengajian dalam bidang yang dikuasai terutamanya apabila mendapat keputusan cemerlang dalam bidang tersebut. Perkara ini berasas dan diterima kerana sekiranya pelajar gagal dalam pelajaran sastra, ini memberi maksud pelajar tidak

menyukai pelajaran tersebut. Dengan demikian, mana mungkin pelajar tersebut mampu meneruskan pengajian dalam bidang sastera, apatah lagi menjadi pakar dalam bidang ini di masa depan. Rentetan daripada ini, pengkaji-pengkaji mencadangkan kepada pelajar agar menceburi bidang yang dikuasai supaya mereka mampu untuk meneruskan perjalanan ilmiah dalam bidang tersebut dengan selesa.

Faktor lain pula adalah kurang minat membaca kerana bidang ini memerlukan banyak pembacaan. Hampir keseluruhan pelajar menyetujui perkara tersebut. Ini menunjukkan bahawa pelajar kurang berminat untuk membaca termasuk membaca karya-karya sastera Arab. Membaca merupakan amalan yang sangat penting kerana bidang kesusasteraan sangat memerlukan pembacaan yang banyak dan kerap agar pelajar memahami teks-teks sastera yang diajarkan dalam bidang tersebut. Perkara ini berlaku kemungkinan disebabkan mereka juga tidak mempunyai minat terhadap sastera dan puisi-puisi Melayu. Ini kerana data juga membuktikan bahawa majoriti pelajar tidak berminat untuk mempelajari sastera Melayu yang menyebabkannya menolak untuk belajar sastera Arab.

Sehubungan itu, pelajar harus menanam sikap suka membaca karya-karya sastera Melayu kerana sikap ini akan memudahkan penerimaan untuk mempelajari dan memahami sastera-sastera Arab. Oleh itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab haruslah mencari penyelesaian dalam memperbaiki kurikulum sekolah menengah terutama sekolah agama dan universiti yang mementingkan pengajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam supaya aktiviti pembelajaran menjadi lebih mudah.

Faktor yang seterusnya ialah pelajar tidak mempelbagaikan kemahiran yang kreatif dan efektif apabila membaca puisi dan prosa Arab. 50% daripada mereka menyetujui kenyataan tersebut. Hakikatnya, ini merupakan tanggungjawab yang perlu diselesaikan oleh mereka sendiri kerana dalam proses pengajaran mempunyai banyak peranan iaitu pelajar, tenaga pengajar, sukatan pelajaran dan kaedah pengajaran. Sehubungan dengan itu, tanggungjawab pelajar ialah memahami pelajaran dan menyelesaikan masalah dengan sebaik mungkin. Pelajar harus kreatif dan mengaplikasikan ilmu moden agar dapat memudahkan kefahaman mereka dalam pembelajaran. Oleh itu, mereka tidak lagi menyalahkan pelajaran sastera atau tenaga pengajar-tenaga pengajar ketika menghadapi kesusahan dalam pembelajaran.

Di samping itu, kajian juga mendapati sebanyak 68.2% daripada pelajar beranggapan bahawa mata pelajaran sastera tidak memberi manfaat kepada kehidupan seharian mereka serta tidak mempunyai banyak peluang pekerjaan setelah selesai pengajian. Perkara ini sangat menghairankan khususnya di Malaysia kerana ia bukan sebuah negara Arab. Sehubungan dengan itu, pasaran pekerjaan di sini mempunyai keperluan tertentu yang spesifik, yang bersesuaian dengan sifat, adat, dan tradisi masyarakat Malaysia. Oleh sebab itu, pelajar cenderung memilih bidang lain yang mempunyai pasaran pekerjaan yang lebih meluas selepas tamat pengajian ijazah.

Sebaliknya, pengkaji-pengkaji beranggapan bahawa mempelajari sastera dan balaghah Arab menjadikan pelajar memiliki penguasaan Bahasa Arab yang mantap dan mampu memahami al-Quran, sunnah-sunnah Nabi SAW dan kitab-kitab turath yang ditulis dalam Bahasa Arab. Dengan demikian, pelajar memiliki kelayakan dan peluang yang luas untuk mendapat semua tawaran pekerjaan terutama yang melibatkan Bahasa Arab.

Tambahan pula, majoriti pelajar tidak mempunyai tujuan yang jelas dalam mempelajari sastera Arab. Ini dibuktikan bahawa sebanyak 55.9% daripada mereka membenarkan kenyataan tersebut. Perkara ini wajib diambil perhatian dengan serius dengan menjelaskan kepada mereka kepentingan mempelajari sastera Arab dalam meningkatkan tahap penguasaan bahasa agar mampu membaca dan merujuk kitab-kitab turath Arab. Ini bakal memberi impak positif kepada pelajar untuk mengenali gaya bahasa Arab dan memahami cabang-cabang ilmu Pengajian Islam khususnya Syariah Islam dan Usuluddin.

Selain itu, data juga menunjukkan bahawa pelajar menghadapi halangan yang besar ketika mempelajari sastera kerana kegagalan mereka dalam memahami istilah-istilah penting dalam ilmu tersebut. Perkara ini bukan hanya berkaitan pengajian sastera semata-mata, bahkan turut berkaitan dengan semua cabang-cabang ilmu yang lain kerana setiap cabang ilmu mempunyai istilah-istilahnya tersendiri yang wajib diketahui agar ilmu tersebut mudah dikuasai dan difahami. Istilah-istilah setiap ilmu juga sudah wujud di buku-buku yang khusus bagi ilmu tersebut.

Oleh yang demikian, pelajar wajib mengkaji dan menghafaz istilah-istilah ini kerana pelajar tidak mampu mendalami sesuatu ilmu tanpa memahami istilah-istilah khusus yang

berkaitan. Kemungkinan kebebasan mendapatkan maklumat melalui laman sesawang di Internet menjadi salah satu faktor yang mencetus kecuaian pelajar mengkaji istilah-istilah sesuatu bidang ilmu dengan cara yang tepat.

Kategori keempat; data menunjukkan bahawa tenaga pengajar adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada fenomena ini. Ini kerana tenaga pengajar kurang memberikan gambaran positif tentang keindahan bidang ini ketika menyampaikan pengajaran. Angka peratus tertinggi yang diperoleh iaitu 30.9% ialah pelajar bersetuju dengan kenyataan tersebut. Namun ramai juga yang kurang setuju di mana mereka tidak mempunyai pandangan yang tetap terhadap kenyataan ini. Oleh itu, dapat dilihat di sini bahawa aspek penghayatan dan keindahan sastera diabaikan oleh sebahagian pensyarah ketika mengajar. Pemilihan teks yang dilakukan hanya berdasarkan nilai-nilai murni dan teknik-teknik kesenian semata-mata juga masih tidak mencukupi.

Oleh itu, para pensyarah harus memberi perhatian terhadap nilai-nilai kecantikan dalam pengajaran serta mengukur kesesuaian teks tersebut dengan sifat dan minat pelajar. Kaedah ini boleh mengubah persepsi negatif pelajar terhadap pelajaran ini seterusnya membantu mereka memahami pengajian sastera Arab. Selain itu, kaedah pengajaran yang lebih moden juga sangat bagus digunakan dan menggantikan kaedah-kaedah tradisional yang kerap digunakan. Justeru, semua pelaksanaan ini memerlukan gabungan peranan daripada semua unsur-unsur pengajaran dan pembelajaran yang terdiri daripada pelajar, pensyarah, sukatan kurikulum, kaedah mengajar, dan penggunaan instrumen pengajaran yang sesuai agar menghasilkan satu keberhasilan yang memuaskan semua pihak.

Implikasi Kajian

Setelah selesai membincangkan tinjauan pendapat pelajar berkaitan keengganan pelajar pasca siswazah menyambung pelajaran dalam bidang kesusasteraan Arab di peringkat ijazah sarjana dan doktor falsafah (PhD), eloklah kita melihat beberapa hasil keputusan yang penting, seterusnya menyusun beberapa cadangan yang berkaitan agar dapat mengambil manfaat daripada usaha dan kajian lapangan ini. Antara hasil keputusan yang diperoleh adalah:

- Keperluan mengubah persepsi pelajar terhadap pelajaran ini dengan menyediakan kursus dan bengkel latihan yang menerangkan tentang kepentingan dan keperluan mempelajari sastera Arab, serta memberi keyakinan betapa mudahnya mempelajari pelajaran tersebut.
- Kursus latihan perlu disediakan untuk menerangkan tentang istilah-istilah sastera dan kritikan sastera kepada para pelajar. Selain itu, tenaga pengajar juga perlu memainkan peranan dengan menggunakan kaedah-kaedah mengajar yang bukan bersifat tradisional, malah bersifat moden dan kreatif ketika mengajar pelajaran sastera.
- Para tenaga pengajar wajib menggunakan kaedah-kaedah mengajar yang kreatif dan inovatif untuk mewujudkan kecintaan dalam kalangan pelajar untuk mempelajari pelajaran-pelajaran sastera di peringkat ijazah.
- Sukatan pelajaran ini juga perlu dilihat semula dengan menyediakan isi kandungan yang sesuai dengan sifat-sifat, adat resam, dan minat pelajar-pelajar bukan berbangsa Arab.
- Isi kandungan sastera yang diajar di sekolah menengah dan pengajian asasi, khususnya sekolah perlu mengambil berat dalam membimbing pelajar lepasan sekolah untuk menyambung pelajaran di peringkat lebih tinggi dalam bidang Bahasa Arab dan Pengajian Islam.

Kesimpulan

Kesimpulannya sastera memainkan peranan dalam membentuk pelajar terhadap memahami bahasa asing khususnya Bahasa Arab, seterusnya membentuk penghayatan agama yang baik dalam kalangan pelajar kerana bahasa Arab juga merupakan bahasa agama dan al-Quran.

Pengakuan

Kami ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Unit Pengurusan Penyelidikan, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang telah memberikan ruang dan peluang kepada kami untuk menjalankan penyelidikan ini dan kami mengharapkan agar hasil penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan pengkaji yang lain dalam bidang pengajaran bahasa Arab khususnya sastera Arab.

Rujukan

- Abdul Latif As-Sufi (1428H/2007M), *Fan al-Qira'ah*, Dar al-Fikr.
- Ali Al-Jambalati Abu Al-Futuh Al-Tunisiy,- *al-Usul al-hadithah li tadris al-Lughah al-'Arabiyyah wa al-Tarbiyyah al-Diniyyah*, Dar Nahdah Misr li al-Tab'I wa al-Nashr. Al-Fujalah-al-Qahirah.
- Samak, Muhammad Salih, (1979). *Fan al-Tadris li al-Tarbiyyah al-Lughawiyyah*, Maktabah al-Anjalu al-Misriyyah, Kaherah.
- Qabawah, Fakhruddin, (1999), *Al- Maharat Al-Lughawiyyah Wa 'Urubat al-Lisan*, Dar al-Fikr al-Mu'asir: Beirut-Lubnan.
- Ibrahim, Zakaria, (1999), *Thuruq Tadris al-Lughah al-'Arabiyyah*, Dar al-Ma'rifah al-Jami'iyyah: Kaherah-Mesir.
- Zaqut, Shahadah Muhammad, (1999). *Al-Murshid fi Tadris al-Lughah al-Arabiyyah*, Universiti Islam Ghazzah.